

Jahil tafsir al-Quran punca kelemahan

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Kelemahan dan penderitaan di kalangan sebahagian besar umat Islam di dunia sekarang adalah akibat kegagalan mereka memahami tafsiran sebenar kandungan ayat al-Quran, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kegagalan memahami makna dan maksud sebenar ayat al-Quran berlaku kerana umat Islam terlalu bergantung kepada pentafsir yang diiktiraf walaupun kitab suci itu dibaca sendiri oleh individu yang fasih bahasa Arab.

Beliau berkata, berikutan salah faham mengenai ajaran al-Quran yang sebenar, amalan umat Islam juga turut salah, menyebabkan mereka tidak dapat mengecap kehidupan yang bahagia dan mulia.

"Kenapakah salah faham berlaku. Sebabnya ialah walaupun orang yang fasih dalam bahasa Arab mampu membacanya tetapi kefahaman mengenai makna dan maksud yang terkandung dalam ayat al-Quran tidaklah begitu mudah difahami dengan membaca sendiri.

"Justeru itu, biasanya orang Islam yang ingin memahami kandungan al-Quran terpaksa bergantung kepada tafsiran yang dibuat oleh pentafsir yang diiktiraf," katanya ketika merasmikan Seminar al-Quran Antarabangsa Kelima, di sini hari ini.

Seminar empat hari bertemakan 'Al-Quran Membina Akhlak Mulia' itu antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran pentingnya akhlak sebagai benteng di dalam membantulas keruntuhan moral yang semakin berleluasa. Hadir sama ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Ketua Pengarah Pusat Islam, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha menjelaskan isi kandungan al-Quran seperti difahami olehnya, pentafsir terpaksa menggunakan bahasanya sendiri dan menambah kepada ayat al-

Perbezaan tafsiran terlalu ketara

DARI MUKA 1

Quran bagi menjelaskan makna dan maksud ayat berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, orang Islam yang tidak memahami bahasa Arab hanya boleh membaca terjemahan daripada tafsiran yang dibuat dalam bahasa Arab atau terjemahan ke dalam bahasanya secara langsung daripada al-Quran.

"Dengan itu bukanlah isi kandungan al-Quran yang diterima sebagai ajaran al-Quran tetapi tafsiran dan terjemahan tafsiran oleh pentafsir atau penterjemah. Jika kefahaman pentafsir atau penterjemah salah, kefahaman mereka yang mengikutinya juga akan salah," katanya.

Dr Mahathir berkata, perbezaan tafsiran di

kalangan pentafsir ada kalanya terlalu ketara sehingga umat Islam berpecah kepada mazhab yang bertentangan.

Menurutnya, walaupun agama Islam yang diwahyukan kepada Rasulullah adalah satu, wujud beberapa kumpulan mendakwa diri mereka Islam pada hal amalan dan kepercayaan mereka berbeza serta menolak amalan orang Islam lain.

"Selain daripada puak Sunni dan Syiah dengan mazhab masing-masing, wujud pula puak Alawait dan Druze. Perbezaan di antara puak ini begitu ketara sehingga ada kemungkinan yang puak tertentu sebenarnya tidak Islam.

"Besarnya kemungkinan ada pentafsir yang salah

dan ajaran mereka menyeleweng. Dalam sejarah Islam hingga ke hari ini, perkara ini sering berlaku. Baru-baru ini ia berlaku di hadapan mata di negara kita sendiri," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan umat Islam, walau betapa alim sekalipun pentafsir al-Quran berkenaan, mereka adalah manusia biasa yang mempunyai kelemahan.

Menurutnya, umat Islam terpaksa menanggung kerugian jika berpegang begitu kuat dan mempertahankan bermati-matian ajaran yang bukan daripada al-Quran tetapi hanya pendapat manusia biasa yang sudah tentu tidak setaraf dengan wahyu Allah.